

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 MEI 2024
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 37

RUU CCUS buka peluang bersaing di peringkat antarabangsa

RUU CCUS buka peluang bersaing di peringkat antarabangsa

KUALA LUMPUR: Rang Undang-Undang (RUU) Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS) membolehkan negara bersaing merebut tender berkaitan di peringkat antarabangsa.

Justeru, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kelulusan RUU tersebut akan dibawa ke Kabinet minggu depan dan dijangka diluluskan pada November 2024 bagi membolehkan fasiliti CCUS dapat beroperasi dengan segera pada 2028.

Menurutnya, ia perlu diluluskan segera bagi membolehkan negara memanfaatkan kepakaran dan kemahiran pekerja dalam industri minyak dan gas.

"Industri minyak dan gas adalah merupakan industri terbesar, dan dalam keadaan negara kita berhadapan dengan situasi pengeluaran kekurangan minyak setiap tahun, maka kita



RAFIZI Ramli (tiga kanan) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Muhamad Umar Swift (dua kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif MPRC, Mohd. Yazid Ja'afar (kanan) selepas Majlis Perasmian CEO OGSE 100, di Kuala Lumpur, semalam.

perlu mencari jalan untuk menambah kaedah baru.

"Justeru, dengan adanya undang-undang itu, ia akan mewujudkan suatu industri baru berteknologi dan bernilai tinggi yang boleh melangsung-

kan industri minyak dan gas dan juga membolehkan negara kita dimasuki lebih banyak pelabur-pelabur yang dapat menyokong industri minyak dan gas," katanya.

Beliau berkata demikian

dalam sidang akhbar selepas forum Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat-syarikat perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas (OGSE) 100 di sini semalam.

Beliau berkata, Malaysia sebelum ini tidak mempunyai

undang-undang khusus yang mengawal selia dalam pemerangkapan dan simpanan karbon.

Justeru, katanya, CCUS penting bukan sahaja kepada industri minyak dan gas tetapi juga kepada pembandaran yang bergantung kepada industri itu.

"Undang-undang ini juga dapat merangka piawaian yang tepat bagi melindungi keselamatan orang ramai dan kemampuan alam sekitar.

"Sekarang, kita tidak ada badan yang mengawal selia, termasuk penetapan piawaian yang tepat, maka dengan adanya undang-undang yang dikhaskan bagi perkara ini, dapat memberi kelulusan dan piawaian yang tepat untuk mengawal selia," katanya.

Ujar Rafizi, nilai industri CCUS pada masa akan datang boleh mencecah RM100 bilion.